

PEMAKAIAN KAEDEH *IHTIYĀT* DALAM MS1500: 2009: PROSEDUR SEMBELIHAN MENURUT PERSPEKTIF MAZHAB SYAFII

*Application Of *Ihtiyāt* Method in MS1500: 2009: Slaughter Procedure According to Mazhab Syafii Perspective*

Wafaa' Mazlanⁱ, Ridzwan Ahmadⁱⁱ, Norhidayah Pauzⁱⁱⁱ & Madiha Baharuddin^{iv}

ⁱ Master Candidate, Department Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. bintumazlan26@gmail.com

ⁱⁱ Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ridzwan@um.edu.my

ⁱⁱⁱ Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. da_my85@um.edu.my

^{iv} Senior Lecturer, Applied Science with Islamic Studies Programme, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. da_my85@um.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pemakaian kaedah ihtiyāt banyak digunakan dalam kebanyakan hukum menurut mazhab Syafii untuk menghasilkan hukum yang jelas dan meyakinkan. Kaedah ini dilihat dapat menghasilkan hukum yang lebih tepat dan selari mengikut kehendak maqāṣid al-shari‘ah. Melihatkan kepada pengamalan mazhab Syafii yang dominan di Malaysia, maka kebanyakan standard dan peraturan yang diamalkan adalah berdasarkan hukum di dalam mazhab Syafii. Namun begitu, apabila diteliti terdapat beberapa perkara di dalam standard yang turut mengambil hukum daripada mazhab lain kerana dilihat lebih mudah untuk diamalkan. Ini menyebabkan berlakunya percanggahan hukum di dalam peraturan yang ditetapkan dengan apa yang diamalkan menurut mazhab Syafii termasuklah dalam isu berkaitan penyembelihan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan terhadap analisis mengenai</i></p>	<p><i>The method of ihtiyāt is widely used in most laws according to the Syafii scholar of thought to produce clear and convincing laws. This method is seen more accurate and parallel laws according to maqāṣid al-shari‘ah. Looking at the practice of the dominant Syafii scholar of thought in Malaysia, then most of the standards and rules practiced are based on the laws. However, when examined there are some things in the standard that also take the law from other scholar because it is seen as easier to practice. This causes a conflict of law in the rules with what is practiced according to the Syafii scholar of thought including in issues related to slaughter. Therefore, this study will focus on the analysis of slaughter in MS 1500: 2009 according to the perspective of the Syafii scholar of thought based on the application of the ihtiyāt method to explain the</i></p>

<p><i>hukum sembelihan di dalam MS 1500: 2009 menurut perspektif mazhab Syafii berdasarkan pemakaian kaedah ihtiyāt untuk menjelaskan penyesuaian kaedah mazhab Syafii dalam perlaksanaan hukum. Analisis kajian menunjukkan bahawa kurangnya pemakaian kaedah ihtiyāt dalam penetapan hukum mengenai sembelihan di dalam MS 1500: 2009 menyebabkan berlakunya percanggahan hukum antara peraturan yang ditetapkan dengan apa yang diamalkan di dalam mazhab Syafii.</i></p> <p>Kata kunci: <i>ihtiyāt, sembelihan, mazhab Syafii.</i></p>	<p><i>adaptation of the thought method in law enforcement. Analysis of the study shows that the lack of application of the method of ihtiyāt in the determination of the law on slaughter in MS 1500: 2009 causes a legal conflict between the rules set and what is practiced in the Syafii scholar of thought.</i></p> <p>Keywords: <i>ihtiyāt, slaughter, Syafii scholar.</i></p>
---	---

PENDAHULUAN

Aspek keselamatan produk makanan yang dihasilkan adalah antara aspek yang sangat penting dalam industri pengeluaran makanan halal di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui perlaksanaan garis panduan yang dikeluarkan JAKIM melalui MS1500:2009, Standard Makanan Halal Malaysia: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum. Setiap pengusaha yang ingin mendapatkan pensijilan halal hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam standard ini supaya produk yang dihasilkan mereka diiktiraf sebagai produk yang dijamin kehalalannya.

Pengiktirafan halal terhadap sesuatu produk makanan adalah penting sebagai satu pengesahan yang menguntungkan kerana dapat meningkatkan lagi nilai dan kualiti produk makanan tersebut. MS 1500: 2009 ini dibina berdasarkan rujukan menyeluruh berpandukan mazhab Syafii melihatkan kepada dominasi besar pengamalan mazhab ini dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Standard ini menjelaskan secara terperinci mengenai penyediaan makanan halal serta peraturan asas berkaitan perdagangan atau perniagaan makanan. Namun begitu, perbincangan mengenai aspek keselamatan makanan halal bukanlah sekadar mengenai ramuan atau kaedah pengendalian dan pengeluarannya semata-mata, bahkan perlu dilihat berkaitan hukum dan peraturan yang dilaksanakan adakah ia bertepatan dengan mazhab Syafii secara keseluruhannya?

Walau bagaimanapun, apabila diteliti kembali terdapat beberapa kaedah hukum yang ditetapkan di dalam MS 1500: 2009 ini bercanggah dengan penetapan hukum di dalam mazhab Syafii. Sehubungan dengan itu, penganalisaan terhadap MS 1500: 2009 menggunakan kaedah *ihtiyāt* adalah perlu untuk memastikan peraturan yang diamalkan adalah mengikut kaedah fiqh Syafii yang sebenar. Tujuannya supaya tidak berlaku pertindihan hukum yang boleh menyebabkan timbulnya keraguan terhadap perlaksanaan prosedur halal di Malaysia. Melihatkan kepada perkembangan industri halal yang semakin meluas di Malaysia, maka peraturan terhadap penghasilan makanan adalah perlu dititik beratkan untuk menjamin pengeluaran produk makanan yang dihasilkan adalah *halālān ṭayyibān*. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan mengenai pemakaian kaedah *ihtiyāt* terhadap peraturan sembelihan dalam MS 1500: 2009 menurut perspektif mazhab Syafii.

KONSEP *IHTIYĀT* DAN KEDUDUKANNYA MENURUT MAZHAB SYAFII

Ihtiyāt merupakan sebahagian daripada kaedah penentuan hukum secara alternatif yang dibincangkan dalam disiplin ilmu Fiqh. Penggunaan kaedah *ihtiyāt* ini juga merupakan antara salah satu inisiatif hukum yang diamalkan di dalam mazhab Syafii. Kaedah ini dilihat banyak diaplikasikan di dalam mazhab Syafii berbanding mazhab lain dalam pengambilan sesuatu hukum fiqh (Shakir, 1998). Kaedah *ihtiyāt* digunakan apabila berlaku pertembungan atau keraguan mengenai hukum yang lebih utama dalam sesuatu perkara. Kaedah *ihtiyāt* adalah satu prinsip hukum untuk memastikan setiap tindakan mukalaf itu adalah selamat dan memberikan kebaikan kepadanya supaya tidak termasuk ke dalam perkara yang haram dan berdosa. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk menghilangkan keraguan dengan mencari hukum yang lebih rajih supaya dapat membina keyakinan dalam diri mukalaf untuk melakukan sesuatu perbuatan secara sempurna (Samma'i, 2006).

Pengamalan kaedah *ihtiyāt* adalah dengan bersandarkan kepada dalil-dalil yang jelas dalam menentukan sesuatu hukum. Menurut al-Syaukānī beliau menyebut, sesungguhnya ber*ihtiyāt* dalam melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan menunjukkan tanda kewarakarhan seseorang dalam agamanya (Balka, 2003). Kewarakarhan yang dimaksudkan ialah dengan mengamalkan sikap berhati-hati iaitu meninggalkan perkara yang menimbulkan keraguan kerana dikhuatiri akan terlibat dalam perkara haram yang boleh menimbulkan dosa dan menyebabkan terbatalkan amalan mereka (Al-Fiqhiyyah, 2012). Berdasarkan kaedah ini seorang muslim itu dituntut

untuk mengamalkan *ihtiyāt* iaitu dengan sentiasa beramal dengan hukum dan dalil yang jelas dalam melakukan sesuatu perbuatan. Keutamaan pengamalan kaedah *ihtiyāt* bukanlah untuk mengharamkan perkara yang halal tetapi adalah sebagai langkah berhati-hati untuk mengeluarkan hukum yang lebih jelas dan meyakinkan. Menurut kaedah ini, yang lebih utama adalah meninggalkan perkara halal tersebut untuk menjauhi daripada melakukan perkara yang dilarang.

Dalam mengamalkan sesuatu hukum, kebanyakan ulama Syafiiyah telah menetapkan suatu garisan yang dikenali sebagai warak melalui pengamalan kaedah *ihtiyāt* (Balka, 2003). Hal ini adalah supaya setiap mukalaf sentiasa berhati-hati dalam membuat penilaian dan penelitian hukum terhadap sesuatu perkara yang hendak dilakukan. Sebagai contohnya, apabila berlaku percampuran antara haiwan yang disembelih oleh orang Islam serta sembelihan oleh ahli Kitab, maka hendaklah ditinggalkan haiwan sembelihan tersebut secara keseluruhannya sebagai langkah *ihtiyāt* kerana takut sekiranya mengambil makanan yang haram (Al-Sayuti, 2007). Walaupun sembelihan daripada ahli Kitab adalah diterima, tetapi sekiranya khuatir terhadap status halal haiwan sembelihan tersebut kerana tidak dapat dipastikan adakah sembelihan oleh ahli Kitab itu dilaksanakan bertepatan dengan hukum syarak atau tidak maka, meninggalkan sembelihan itu adalah lebih utama. Pengaplikasian hukum ini menunjukkan pengamalan sikap berhati-hati dan warak yang perlu ada pada setiap muslim dengan mengutamakan untuk menjauhi perkara yang halal apabila bercampur dengan perkara yang diharamkan syarak supaya perlaksanaan sesuatu hukum itu dapat dipelihara dengan sempurna (Shakir, 2008).

APLIKASI *IHTIYĀT* PROSEDUR SEMBELIHAN DALAM MS1500:2009

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa aplikasi *ihtiyāt* dalam prosedur sembelihan yang ditetapkan. Ia boleh didapati dalam beberapa aspek sepertimana berikut:

a. Penyembelihan oleh Ahli Kitab

Merujuk kepada klausa 3.5.2 mengenai prosedur penyembelihan, peraturan (a) menyebutkan bahawa penyembelihan haiwan hendaklah dilakukan oleh seorang Islam yang waras, baligh dan mengamalkan ajaran Islam, mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai peraturan dan syarat asas berkaitan penyembelihan haiwan dalam Islam (MS 1500: 2009). Penyembelih di dalam mazhab Syafii dapat didefinisikan sebagai orang yang bertanggungjawab

untuk menjalankan proses penyembelihan yang terdiri daripada orang Islam atau golongan ahli Kitab (Al-Khin, 2015). Ahli Kitab pula adalah mereka yang terdiri daripada golongan Yahudi atau orang Nasrani (Al-Syafii, 2001). Menurut Imam Syafii beliau mengkhususkan golongan ahli Kitab ini kepada keturunan Bani Israel yang berasal daripada Nabi Ya'kub a.s yang diturunkan kepada mereka kitab Taurat serta Injil dan beramal kepada ajaran asal kitab Taurat dan Injil sebelum berlakunya penyelewengan (Al-Syafii, 2001). Oleh itu, hanya sembelihan daripada ahli Kitab yang tulen sahaja diterima dan halal untuk dimakan menurut mazhab Syafii.

Menurut Imām al-Juwainī, sembelihan daripada ahli Kitab sama ada Yahudi atau Nasrani hukumnya adalah diharuskan sekiranya diyakini dia benar-benar seorang ahli Kitab yang berpegang teguh dengan ajaran asal kitab Taurat dan Injil (Al-Juwaini, 1993) berdasarkan firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَحِلَّ لَكُمُ الطَّيَّابُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ

Al-Maidah 5: 5

Terjemahan: "Dan makanan (sembelihan) oleh orang-orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu."

Namun begitu, ahli Kitab yang telah menyeleweng dan menukar ajaran asal kitab Taurat dan Injil adalah tidak diterima. Maka, hukum sembelihan daripada mereka adalah haram. Oleh hal yang demikian, sekiranya ragu-ragu mengenai pegangan agama mereka dan tidak pasti mereka dalam kalangan yang berpegang teguh atau telah terpesong, maka menurut Imām al-Juwainī dengan bersandarkan kepada aplikasi kaedah *ihtiyāt* menetapkan bahawa hendaklah ditinggalkan sembelihan tersebut sebagai langkah berhati-hati serta untuk memelihara diri mukalaf daripada terjerumus ke dalam perkara yang mendatangkan dosa (Al-Juwaini, 1993).

Ini menunjukkan meskipun sembelihan daripada ahli Kitab diterima tetapi meninggalkannya adalah lebih utama untuk tujuan memelihara agama seseorang. Hal ini kerana, mengenal pasti ahli Kitab yang yang sebenar pada zaman sekarang adalah lebih sukar berbanding mencari makanan yang halal. Oleh itu, menerima sembelihan daripada ahli Kitab hanya akan menimbulkan keraguan terhadap status halal haiwan sembelihan itu. Maka, menjauhi sembelihan mereka adalah langkah selamat dan berhati-hati supaya dapat menjauhi daripada perkara yang meragukan. Tambahan pula, prosedur penyembelihan yang ketat di dalam MS 1500: 2009 telah mewajibkan setiap penyembelih untuk mendapatkan tauliah sembelihan daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Perlaksanaan peraturan ini menunjukkan langkah *ihtiyāt* yang diamalkan dalam peraturan hukum mengenai sembelihan.

Tujuannya adalah untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang keraguan mengenai status sembelihan yang berlaku di samping dapat menambahkan keyakinan pengguna Muslim terhadap status halal produk berasaskan daging yang berada di pasaran. Oleh itu, untuk memenuhi permintaan terhadap daging halal yang semakin meningkat menyebabkan lebih ramai pengusaha akan memastikan sembelihan mereka adalah menurut kaedah sembelihan yang sebenar sebagai satu langkah untuk meningkatkan pendapatan mereka dan strategi pasaran yang menguntungkan.

Di samping itu, penyembelihan daripada ahli Kitab pada masa kini bukan lagi suatu keperluan yang perlu dijelaskan mengenai hukumnya melihatkan kepada tiada lagi kepentingan untuk menerima sembelihan daripada ahli Kitab. Hal ini kerana, situasi pada hari ini di mana keupayaan untuk mendapatkan daging halal adalah semakin mudah disebabkan berlakunya peningkatan pemintaan terhadap daging halal. Ini menyebabkan setiap pengeluar daging akan memastikan daging yang dijual oleh mereka adalah daripada sembelihan yang halal menepati sebagaimana kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak sebagai satu strategi pemasaran yang menguntungkan. Selain itu, tanpa daging halal juga umat Islam masih mampu mendapatkan pelbagai pilihan makanan halal lain seperti makanan laut, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Berdasarkan hujah di atas menjelaskan bahawa meninggalkan perbuatan yang makruh adalah lebih utama daripada melakukan perbuatan yang harus. Oleh itu, syarat penyembelih di dalam MS 1500: 2009 yang tidak menyatakan mengenai penyembelihan daripada ahli Kitab menunjukkan sikap teliti dan berhati-hati yang diamalkan. Ini bermaksud meninggalkan sembelihan ahli Kitab meskipun dibenarkan pada mulanya adalah lebih utama daripada berusaha mencari siapakah ahli Kitab sebenar yang masih wujud pada masa kini. Tambahan pula, masih terdapat pelbagai alternatif lain yang boleh diamalkan oleh pengguna untuk mencari makanan yang diyakini kehalalannya. Ini menunjukkan mencari perkara yang meyakinkan dengan meninggalkan perkara meragukan adalah lebih utama.

b. *Lafaz Tasmiyah dalam Sembelihan*

Lafaz *tasmiyah* kebiasaannya dibacakan sebelum memulakan sesuatu perbuatan. Tujuannya adalah untuk mencapai keberkatan amalan dalam setiap perbuatan yang dilakukan supaya menjadi amalan yang diterima oleh Allah SWT (Al-Syafii, 2002). Maka, hukum membaca lafaz ini adalah sunat yang sangat dituntut perlaksanaannya. Hal ini kerana, setiap perbuatan yang dilakukan oleh seorang Muslim dengan niat dan cara yang benar kerana Allah SWT akan dinilai sebagai suatu ibadah yang diterima di sisiNya.

Klaus 3.5.2 di dalam MS 1500: 2009 mengenai proses penyembelihan halal, pada pecahan 3.5.2.1 (g) menjelaskan bahawa *tasmiyah* hendaklah

dilafazkan sejurus sebelum penyembelihan dilakukan (MS 1500: 2009). Oleh itu, di antara syarat sah sembelihan yang perlu dipatuhi menurut MS 1500: 2009, adalah dengan memastikan lafaz *tasmiyah* disebut penyembelih setiap kali sebelum memulakan penyembelihan. Ini bermaksud, haiwan yang tidak memenuhi tuntutan syarat ini akan menyebabkan hukumnya menjadi tidak halal dan tidak boleh diambil manfaat daripadanya.

Penetapan syarat ini dilihat berbeza dengan hukum menurut mazhab Syafii yang menetapkan bahawa hukum menyebut *tasmiyah* ketika sembelihan adalah sunat (Al-Syafii, 2002). Sekiranya penyembelih terlupa menyebut lafaz ini, sembelihan tetap halal kerana sembelihan daripada seorang Muslim adalah memadai kerana tujuan sembelihan adalah untuk menghasilkan makanan yang halal dan baik menurut Islam ('Abd Allah, 2001).

Sebaliknya peraturan ini dilihat lebih menghampiri hukum berdasarkan mazhab Hanafi dan Maliki yang menetapkan bahawa menyebut lafaz *tasmiyah* sebelum sembelihan adalah wajib sehingga menjadikannya sebagai syarat utama dalam sembelihan ('Abd Allah, 2001). Oleh itu, meninggalkan lafaz ini secara sengaja akan menyebabkan sembelihan tersebut tidak halal dan tidak boleh diambil manfaat daripadanya. Manakala dalam mazhab Hanbali pula menyebut sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah SWT ke atasnya secara tidak sengaja adalah dibenarkan untuk dimakan ('Abd Allah, 2001).

Selain itu, Rasulullah SAW juga menerima sembelihan yang tidak disebut lafaz *tasmiyah* dan membenarkan para sahabat memakannya (Al-Khatib, 2006) sebagaimana dijelaskan dalam hadis yang telah diriwayatkan daripada Aisyah RA (Abi Daud, 2009):

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ قَوْمَنَا حَدَّيْتُمْ عَهْدَ الْجَاهِلِيَّةِ يَأْتُونَا بِالْحَمَانَ لَا نَدْرِي أَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا أَمْ لَمْ يَذْكُرُوا أَفَنَا كُلُّ مِنْهَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) : سَمُوا وَكُلُوا

Terjemahan: "Ya Rasulullah, sesungguhnya kaum kami baru sahaja meninggalkan Jahiliyyah (kekufuran), mereka datang kepada kami dengan membawa daging, kami tidak tahu adakah ia disembelih dengan menyebut nama Allah SWT atau tidak. Adakah boleh kami makan daging tersebut?" Maka Rasulullah SAW menjawab: "Sebutlah nama Allah SWT ke atasnya dan makanlah daging tersebut."

Selain itu, mazhab Syafii berdalilkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam hadis-hadis *mursal*:

مِنْ حَدِيثِ ثَوْرِ بْنِ يَزِيدَ، عَنِ الصَّلَّى السَّدَّوْسِيِّ -مَوْلَى سُوَيْدِ بْنِ مَنْجُوفٍ أَحَدِ التَّابِعِينَ الَّذِينَ ذَكَرَهُمْ أَبُو حَاتِمٍ بْنُ حِبَّانَ فِي كِتَابِ الثِّقَاتِ -قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ "ذِبِحَةُ الْمُسْلِمِ حَلَالٌ ذُكْرُ اسْمِ اللَّهِ أَوْ لَمْ يُذْكُرْ، إِنَّمَا إِنْ ذُكْرٌ لَمْ يُذْكُرْ إِلَّا اسْمُ اللَّهِ"

Terjemahan: Daripada hadis Thaur bin Yazid daripada al-Silt al-Sadusi hamba kepada Suwaid bin Manjuf salah seorang tabiin yang disebutkan oleh Abu Hatim bin Hibban dalam kitab al-Thiqat berkata: Rasulullah bersabda: Sembelihan orang Islam adalah halal sama ada disebut nama Allah atau tidak disebut, kerana sesungguhnya sekiranya dia menyebut (ketika sembelihannya), nescaya dia tidak sebut melainkan hanya nama Allah.

Berdasarkan hadis di atas tidak menyebut lafaz *tasmiyah* ketika menyembelih adalah sah, maka hukum daging haiwan tersebut juga diterima dan halal dimakan. Antara sebab berlaku perbezaan hukum dalam perkara ini adalah disebabkan perbezaan pandangan ulama dalam menafsirkan dalil daripada al-Quran. Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكُرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ

Al-An'am 6: 121

Terjemahan: "Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah SWT ketika menyembelihnya. Sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan yang fasiq."

Berdasarkan kepada ayat di atas, terdapat pandangan ulama bahawa membaca lafaz *tasmiyah* sebelum memulakan sembelihan adalah wajib. Menurut mazhab Hanafi, kedudukan al-Quran adalah lebih kuat berbanding hadis kerana al-Quran ialah *qati'yyu thubut*. Oleh kerana itu, hukum al-Quran tidak boleh ditakhsiskan oleh hadis. Manakala pandangan mazhab Syafii yang mengambil hukum sunat pula berpendapat ayat ini dikhusruskan untuk mengharamkan sembelihan daripada orang musyrikin yang menyembelih haiwan kepada berhala mereka ('Abd Allah, 2001).

Selain itu, mazhab Syafii turut menerima sembelihan daripada ahli Kitab sedangkan secara zahirnya sembelihan daripada ahli Kitab tidak disertakan dengan lafaz *tasmiyah*. Hal ini menunjukkan hukum menyebut lafaz *tasmiyah* sebelum penyembelihan adalah sunat. Tambahan pula, sekiranya lafaz *tasmiyah* ini diwajibkan ketika penyembelihan maka Rasulullah SAW tidak akan menghalalkan sembelihan daripada kaum Arab Badwi sebagaimana yang disebut di dalam hadis. Apa diperintahkan oleh Rasulullah SAW hanyalah untuk menyebut nama Allah SWT sebelum makan dan bukan sebelum melakukan sembelihan ('Abd Allah, 2001).

Tujuan disyariatkan penyembelihan dalam Islam adalah untuk menjadikan sesuatu binatang halal dimakan kerana binatang yang mati tanpa sembelihan dianggap sebagai bangkai dan haram dimakan. Ini menunjukkan proses penyembelihan bukan suatu ibadah yang perlu dimulakan dengan lafaz-lafaz tertentu untuk menentukan status halal binatang tersebut. Ini kerana penyembelihan yang dilaksanakan menepati syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan seperti memutuskan urat di leher haiwan, menggunakan pisau yang tajam dan sebagainya telah menjadikan binatang halal untuk dimakan. Bahkan, terlalu menumpukan terhadap lafaz *tasmiyah* ini termasuk sikap berlebihan dalam agama yang akan mempersulitkan sesuatu hukum itu untuk dilaksanakan.

Oleh itu, peraturan yang mewajibkan lafaz *tasmiyah* ketika penyembelihan dalam MS 1500: 2009 bertujuan untuk mempraktikkan langkah *ihtiyāt* supaya dapat memastikan sembelihan yang berlaku diyakini kehalalannya. Namun begitu, secara praktikalnya penetapan hukum ini hanya akan menyukarkan perlaksanaan sembelihan. Ini kerana, permintaan terhadap daging halal yang semakin tinggi menyebabkan proses penyembelihan berlaku pada setiap hari dengan melibatkan bilangan haiwan dan tenaga penyembelih yang sangat tinggi. Maka, menjadi suatu kesukaran untuk memastikan setiap penyembelih mampu menyebut lafaz *tasmiyah* ketika melakukan penyembelihan apabila berhadapan dengan jumlah haiwan yang terlalu banyak. Oleh itu, syarat ini menyebabkan proses penyembelihan menjadi lebih rumit sedangkan terbinanya prinsip syariat di dalam Islam adalah untuk memudahkan perlaksanaan hukum ke atas mukalaf.

Melalui analisis ini dapat dilihat bahawa syarat sembelihan dalam MS 1500: 2009 boleh ditambah baik dengan menjelaskan istilah *tasmiyah* hendaklah dilafazkan sejurus sebelum melakukan penyembelihan sama ada ianya adalah perbuatan yang wajib atau sunat sahaja. Hal ini bertujuan supaya setiap peraturan yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada metode menurut mazhab Syafii yang bersandarkan kepada pemakaian kaedah *ihtiyāt* untuk memudahkan urusan penyembelihan serta memastikan perlaksanaan terhadap hukum halal dan haram dalam pemakanan dapat dipelihara dengan sebaiknya.

c. Pemotongan Urat Haiwan Sembelihan

Begitu juga dalam klausa 3.5.2 pada pecahan peraturan 3.5.2.1, (n) telah menyatakan bahawa kaedah penyembelihan hendaklah dilakukan dengan memutuskan saluran pernafasan (*halkum*) dan saluran makanan (*mari'*) dan kedua-dua urat darah *carotid* dan *jugular* (*wadajain*) bagi melancarkan pengaliran keluar darah dan mempercepatkan kematian haiwan. Pengaliran darah hendaklah terpancut dan berlaku secara spontan dan sempurna (MS 1500: 2009).

Dalam perbincangan mengenai permasalahan ini, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha' mengenai urat yang wajib diputuskan ketika sembelihan. Menurut pendapat mazhab Maliki (Al-Kabir 2009) adalah tidak halal sesuatu penyembelihan haiwan itu melainkan dengan memutuskan keempat-empat uratnya iaitu urat *halkum*, *mari'* dan dua urat leher yang berhampiran (*wadajain*). Manakala menurut mazhab Hanafi (Al-Mawardi, 2009) pula menyatakan bahawa penyembelihan haiwan dilakukan dengan memutuskan sekurang-kurangnya tiga daripada empat urat haiwan tersebut.

Berdasarkan pendapat mazhab Syafii pula, urat yang wajib diputuskan ketika penyembelihan ialah *halkum* dan *mari'* (Al-Syafii, 2002). Manakala, hukum memotong urat *wadajain* pula adalah sunat dan digalakkkan untuk memudahkan proses kematian haiwan tersebut dan mengurangkan kesakitannya ketika disembelih. Ini kerana, tujuan penyembelihan dilakukan adalah untuk menghilangkan nyawa haiwan dan menjadikannya halal dimakan kepada umat Islam. Oleh itu, dengan terpotongnya urat *halkum* dan *mari'* haiwan tersebut akan menghilangkan nyawanya serta merta dan menjadikannya halal dimakanⁱ. Memotong urat *wadajain* pula adalah untuk memastikan berlakunya pengaliran darah keluar daripada haiwan dengan sebanyaknya (Al-Syafii, 2002).

Penelitian terhadap proses sembelihan menurut mazhab Syafii ini menunjukkan pengaplikasian kaedah *ihtiyāt* yang telah diterapkan untuk menjaga kemaslahatan hukum supaya dilaksanakan dengan sempurna. Hukum wajib untuk memotong urat *mari'* dan *halkum* yang ditetapkan kepada haiwan sembelihan adalah perbuatan paling ihsan di dalam sembelihan kerana akan mempercepatkan kematian haiwan. Perkara ini dilihat lebih memenuhi perlaksanaan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* dalam memelihara kemaslahatan terhadap manusia dengan melakukan sembelihan yang sempurna serta kemaslahatan terhadap haiwan untuk disembelih dalam keadaan yang terbaik supaya dapat menghasilkan daging yang bermutu tinggi.

Hal ini kerana, memutuskan urat *halkum* (saluran pernafasan) dan *mari'* (saluran makanan) akan menyebabkan haiwan tersebut mati dengan cepat (Al-Syafii, 2002). Manakala, memutuskan urat *wadajain* (saluran yang mengalirkan darah haiwan dari jantung ke otak) pula adalah untuk mengurangkan rasa sakit pada haiwan kerana terputusnya salur darah yang akan menghantar mesej kesakitan kepada otak haiwan sehingga menyebabkan haiwan tersebut tidak lagi merasa sakit ketika disembelih. Perbuatan ini seterusnya akan menyebabkan darah keluar membuka-buka daripada badan haiwan secara sepenuhnya dan memastikan degupan jantungnya yang tenang sehingga ke akhir kematian.

Maka, kaedah penyembelihan ini akan dapat menghasilkan daging yang lebih bersih kerana darah yang menjadi tempat pengumpulan bakteria dan kuman yang boleh mendatangkan penyakit kepada manusia telah

dikeluarkan dengan segera. Hal ini sekaligus membuktikan kaedah sembelihan haiwan di dalam Islam sangat memelihara tuntutan untuk sentiasa bersikap ihsan sesama makhluk walaupun untuk mematikannya. Ini kerana, melalui kaedah sembelihan menurut ajaran Islam ini bukan sahaja untuk kebaikan haiwan tersebut, malah untuk manfaat kesihatan kepada manusia untuk mendapatkan makanan yang halal dan baik.

Oleh itu, syarat penyembelihan yang dinyatakan di dalam MS 1500: 2009 yang mewajibkan untuk memutuskan keempat-empat urat haiwan sembelihan ini menunjukkan kaedah *ihtiyāt* yang diterapkan dengan mengambil hukum yang disepakati jumhur dalam urusan penyembelihan haiwan. Perbuatan ini juga dianggap sebagai jalan keluar daripada khilaf (Al-Zuhayli, 2013) antara mazhab dalam urusan penyembelihan haiwan kerana kesemua mazhab bersetuju bahawa kaedah terbaik dalam sembelihan adalah dengan memutuskan keempat-empat urat tersebut.

Namun begitu, pengaplikasian manual halal ini adalah diamalkan dalam kalangan masyarakat awam yang tidak mempunyai kefahaman mendalam mengenai permasalahan khilaf antara fuqaha terhadap sesuatu hukum. Oleh itu, penetapan kaedah sembelihan di dalam MS 1500: 2009 dengan memastikan terputusnya keempat-empat urat haiwan tersebut menunjukkan perluasan kaedah *ihtiyāt* yang telah dilaksanakan. Tujuannya adalah supaya dapat memudahkan urusan penyembelihan yang dilakukan dan mengelakkan daripada sebarang keraguan terhadap status halal haram haiwan sembelihan tersebut.

d. Peralatan Sembelihan

Di dalam klausa 3.5.2.1 mengenai peralatan sembelihan pada peraturan (i) telah menjelaskan bahawa (MS 1500: 2009), aliran penyembelihan, alat dan kelengkapan penyembelihan hendaklah dikhaskan hanya untuk penyembelihan haiwan halal sahaja. Seterusnya, peraturan (j) dan (l) pula menyatakan bahawa pisau atau mata pisau yang digunakan hendaklah tajam dan bersih daripada darah dan kotoran lain serta penggunaan tulang, kuku dan gigi tidak boleh dijadikan sebagai alat sembelihan.

**Jadual 4.3: Perbezaan Peralatan Sembelihan antara MS 1500: 2009
dan Mazhab Syafii**

Mazhab Syafii	MS 1500: 2009
Alatan tersebut hendaklah yang boleh melukakan kerana ketajamannya.	Menggunakan pisau yang tajam dan bersih daripada darah dan kotoran lain.
Alatan tersebut tidak diperbuat daripada tulang, kuku atau gigi.	Tidak menggunakan tulang, kuku atau gigi sebagai alat sembelihan.

Berdasarkan kepada jadual di atas dapat dilihat peraturan yang dilaksanakan di dalam MS 1500: 2009 adalah berdasarkan kepada kaedah hukum oleh mazhab Syafii dan ditambah baik melalui pemakaian kaedah *ihtiyāt* dengan memperincikan lagi perlaksanaan hukum tersebut. Kaedah sembelihan menurut mazhab Syafii (Al-Zuhaili, 2007) menyatakan bahawa penyembelihan hendaklah dilakukan dengan menggunakan peralatan yang tajam yang boleh melukakan dan tidak diperbuat daripada tulang, kuku atau gigi. Ini bermaksud penggunaan alatan yang tajam sama ada pedang, lembing atau yang diperbuat daripada emas dan sebagainya adalah dibenarkan.

Manakala, peraturan di dalam MS 1500: 2009 pula telah mengkhususkan peralatan sembelihan kepada penggunaan pisau yang tajam sahaja dan tidak membenarkan alatan yang lain seperti tulang, kuku dan gigi. Justeru itu, penggunaan kaca, batu atau kayu yang tajam sekali pun adalah tidak dibenarkan. Tujuan penggunaan pisau yang tajam semasa penyembelihan adalah untuk memudahkan proses memutuskan urat haiwan supaya dapat mengurangkan kesakitan haiwan tersebut dengan tidak menyeksanya dan mempercepatkan kematiannya. Oleh itu, kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut akan menyebabkan hasil sembelihan itu adalah tidak halal untuk dimakan (Saad, 1998). Hal ini menunjukkan langkah berwaspada yang ditekankan dalam penetapan hukum menurut MS 1500: 2009 supaya tidak berlaku penyembelihan yang boleh menimbulkan keraguan sekiranya pengkhususan terhadap penggunaan pisau sahaja tidak disebutkan. Ini kerana dikhuatiri sekiranya terdapat penyembelih yang menggunakan peralatan tajam lain yang tidak memenuhi syarat sembelihan seperti menggunakan besi, kayu atau kaca yang akan menyebabkan sembelihan tersebut tidak diterima.

Selain itu, di dalam MS 1500: 2009 juga menetapkan bahawa pisau yang digunakan itu hendaklah dipastikan bersih daripada darah dan kotoran lain serta memastikan tidak berlaku sebarang percampuran yang meragukan sepanjang proses sembelihan dilakukan. Hal ini kerana memastikan alatan sembelihan yang digunakan adalah dikhkusukan untuk penyembelihan halal sahaja menunjukkan sikap berhati-hati supaya tidak berlaku percampuran di antara perkara haram dan halal tanpa disedari. Oleh itu, setiap peraturan yang ditetapkan di dalam manual ini menunjukkan penjagaan terhadap keselamatan dan kebersihan alatan sembelihan yang digunakan dengan sebaiknya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa setiap perincian yang disebutkan di dalam manual halal ini menunjukkan perlaksanaan *ihtiyāt* yang telah diterapkan dalam peraturan mengenai penyembelihan haiwan untuk memastikan sembelihan yang berlaku adalah sempurna dan diyakini. Penentuan hukum dengan bersandarkan kepada kaedah *ihtiyāt* ini adalah bertujuan untuk memastikan maslahah perlaksanaan hukum penyembelihan dalam mendapatkan makanan yang dipastikan kehalalannya dapat dihasilkan.

Hal ini kerana, asas pengaplikasian *ihtiyāt* dalam penentuan sesuatu hukum adalah untuk memastikan perlaksanaan setiap perintah syarak dapat dilakukan secara sempurna dengan mencapai maslahah yang sebaiknya dan menolak perkara yang boleh menimbulkan keraguan supaya tidak menghampiri kepada perbuatan yang haram (Syakir, 1998).

e. Konsep Ihsan dalam Penyembelihan

Antara sikap ihsan yang ditekankan ketika melakukan penyembelihan di dalam MS 1500: 2009 ialah di dalam klausa 3.5.2, peraturan (j) iaitu memastikan pisau yang digunakan adalah pisau yang tajam supaya mudah untuk memutuskan urat *halkum* dan urat *mari'* haiwan sembelihan (MS 1500: 2009). Hal ini bertujuan supaya memudahkan aliran darah keluar daripada tubuh haiwan tersebut dan membersihkannya daripada najis atau penyakit daripada darah yang kotor. Selain itu, peraturan (k) pula menyatakan supaya proses penyembelihan hendaklah dilakukan hanya sekali. Pergerakan pisau yang berulang-ulang semasa penyembelihan dibenarkan selagi pisau tersebut tidak diangkat semasa penyembelihan (MS 1500: 2009).

Penentuan syarat ini telah menunjukkan mengenai penekanan terhadap sikap ihsan ketika melakukan penyembelihan yang sangat dituntut oleh Islam. Rasulullah SAW sendiri menyuruh umatnya untuk mengamalkan sifat ihsan antara sesama makhluk termasuklah dalam urusan penyembelihan haiwan, sebagaimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah SAW (Al-Nawawi, 2005):

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ إِلَيْهِمْ كُلُّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأْحَسِنُوا الْقَتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأْحَسِنُوا الذَّبْحَ وَلِيَحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفَرَتَهُ فَلِيرِحْ ذَبِيْحَتَهُ

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan ihsan ke atas semua perkara. Jika kamu membunuh, berlaku ihsanlah ketika membunuh dan jika kamu menyembelih berlaku ihsanlah ketika menyembelih. Hendaklah kamu menajamkan pisau dan menyenangkan haiwan sembelihan.”

Menyenangkan haiwan sembelihan yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut adalah dengan memastikan haiwan dalam keadaan selesa, menyembelih menggunakan pisau yang tajam dan menyegerakan pergerakan pisau untuk mempercepatkan kematiannya (Al-Nawawi, 2005). Selain itu, mengamalkan sikap ihsan semasa sembelihan juga adalah dengan memperlakukan haiwan tersebut secara lembut ketika membawanya ke tempat penyembelihan, tidak menajamkan mata pisau di hadapan haiwan, tidak menyembelih dengan kasar dan tidak melapah haiwan kecuali setelah ia benar-benar mati. Kesemua perbuatan ini menurut mazhab Syafii adalah termasuk dalam perkara-perkara yang sunat ketika menyembelih haiwan. Di antara kelebihan bersikap ihsan terhadap haiwan sembelihan ini adalah dapat

menghasilkan daging yang selamat untuk dimakan, lebih segar, berkualiti tinggi dan lebih tahan lama untuk disimpan.

Oleh itu, kaedah sembelihan yang menyeksa haiwan seperti memukul haiwan atau melemaskannya untuk mempercepatkan kematiannya akan menyebabkan kejutan dan menyebabkan kesakitan yang tinggi kepada haiwan tersebut. Selain itu, ianya juga akan menghasilkan daging yang kurang berkualiti disebabkan darah yang masih terkumpul dan membawa kepada penyakit lain kepada manusia seperti penyakit lembu gila. Perkara ini sekiranya tidak dipelihara berdasarkan peraturan dan hukum Islam yang telah ditetapkan akan membawa kepada mudarat lain yang boleh merosakkan kehidupan manusia. Maka, penetapan kaedah sembelihan menurut Islam yang berasaskan kepada konsep rahmah dan kasih sayang dengan tidak menyeksa haiwan bukan sahaja untuk kebaikan haiwan tersebut tetapi untuk memberi manfaat kepada manusia juga terhadap kesihatan mereka melalui pemakanan yang *halālān ṭayyibān*.

Antara tujuan saranan untuk bersikap ihsan ini adalah untuk memastikan sembelihan yang dilakukan adalah sembelihan yang sempurna dengan mengikuti sepenuhnya tuntutan berdasarkan hukum menurut mazhab Syafii sebagaimana yang telah ditetapkan. Mengamalkan sifat ihsan ini seharusnya menjadi satu pemungkinan kepada setiap mukalaf untuk sentiasa memperelokkan perbuatan mereka dan mempertingkatkan nilai amalan yang dilakukan agar menjadi amalan yang sempurna di sisi Allah SWT kerana menyedari pemerhatian daripadaNya sepanjang masa (Sanu, 2000).

PENUTUP

Pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai kaedah penyembelihan masih di tahap yang rendah kerana, aktiviti sembelihan yang berlaku dalam kalangan umat Islam di Malaysia biasanya dilakukan pada waktu tertentu untuk meraikan sesuatu keraian seperti majlis akikah, kenduri kahwin dan hari raya korban. Oleh itu, kebanyakan pengetahuan masyarakat mengenai isu penyembelihan adalah secara turun-temurun serta berdasarkan kefahaman setempat. Perkara ini menyebabkan urusan berkaitan kebajikan haiwan, keselamatan, kebersihan serta peraturan dan pengurusan berkaitan pengendalian penyembelihan yang baik untuk menjamin penghasilan daging yang lebih sihat dan berkualiti tidak dapat diterapkan. Sedangkan kefahaman berkaitan penyembelihan haiwan amat penting supaya masyarakat memahami asas-asas penyembelihan seterusnya daging tersebut diyakini halal serta kebersihan dan keselamatan terjamin. Tidak dinafikan bahawa penetapan hukum sembelihan dalam MS1500:2009 telah menepati kaedah dan peraturan berdasarkan mazhab Syafii namun masih ada ruang yang untuk ditambah baik untuk memenuhi keperluan produk daging halal yang dipasarkan baik di dalam negara dan dipasaran antarabangsa.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan disertasi di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

RUJUKAN

Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Idrīs al-Syāfiī, *Mausu’ah al-Imām al-Syāfiī*, (Dār Ihyā’: Beirūt, 2001).

Abī ‘Umar Yusuf bin ‘Abd Allah, *al-Tamhīd li mā fī al-Muwattā’ min al-Ma’ānī wa al-Asānid*, (Kāherah: al-Fāruq al-Hadīthah, 2001).

Abī Dāud, *Sunan Abī Dāud*, (Damsyik: Dār al-Risālah al-‘Alamiyyah, 2009).

Abī Ḥassan ‘Alī al-Mawardī, *al-Hawī al-Kabīr fī Fiqh Mazhab al-Syafīi*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009).

Ade Dedi Rohayana, *Ilmu Qawa’id Fiqhiyyah: Kaedah – Kaedah Hukum Islam*, (Jakarta: Gaya Media, 2008).

Al-Juwainī, *al-Tabṣirah fi Tartīb Abwāb lil Tamyīz Bayn al-Iḥtiyāṭ wa al-Waswāsah ‘Ala Madhhab al-Imām al-Syafīi*, (Kāherah: Muassasah al-Sa’udiyyah, 1993).

Al-Mausū’ah al-Fiqhiyyah, (Kūwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syuūn al-Islāmiyah, 2012).

Al-Nawawī, *Kitāb Ṣohīḥ Muslim*, (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 2005).

Al-Sayūṭī, *al-Asybāh wa al-Nazāir*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007).

Ibn al-Athīr, *al-Shāfiī fī Sharh Musnad al-Syāfiī*, (Dār al-Kalimah: Mesir, 2007).

Ilyās Balkā, *al-Iḥtiyāṭ ḥaqīqatuhu wa ḥujjatiuhu wa Aḥkāmuhu wa Dawābiṭuhu*, (Beirūt: Lubnān, 2003).

Malaysian Standard – Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua), MS 1500: 2009, (Kuala Lumpur, Jabatan Standard Malaysia, 2009).

Muhammad ‘Umār Sammā’ī, *Nażorīyyah al-Iḥtiyāṭ al-Fiqhī Dirāsah Tā’sīliyyah Taṭbiqīyyah*, (University of Jordan: Jordan, 2006).

Muhammad al-Zuhailī, *al-Mu'tamad fi Fiqh al-Syāfiī*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 2007).

Muhammad bin Idrīs al-Shā fii, *al-Umm*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002).

Munīb Maḥmood Shākir, *al-'Amal bi al-Iḥtiyāt fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Riyādh: Dār al-Nafāis, 1998), 80.

Qutub Muṣṭafa Sānū, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, (Damsyīq: Dār al-Fikr, 2000).

Shams al-Dīn Muhammad bin Muhammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj Ila Ma'rifat Ma'anī Alfāz al-Minhāj*, (Dār al-Hadīs: Kāherah, 2006).

Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*, (Dār al-Fikr: Damsyik, 1989).

mī wa Adillatuhā, (Dār al-Fikr: Damsyik, 1989).

¹ Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah, (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syuūn al-Islāmiyah, 1986), 21: 177.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.